

KUIM ambil pelajar perubatan tahun depan

Oleh MARZITA ABDULLAH

KOLEJ Universiti Islam Malaysia (KUIM) yang merupakan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) ke-12, akan mengambil pelajar sulung bagi program Perubatan bermula tahun depan.

Pengerusi Lembaga Pengarahnya, **Tan Sri Dr. Yusof Noor** berkata, program berkenaan diletakkan di bawah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan yang turut menawarkan program Farmasi, Kesihatan Awam dan Kejururawatan.

Walau pun penubuhan fakulti tersebut telah dipersetujui hanya pada prinsipnya oleh Kementerian Pendidikan namun KUIM yakin penubuhan fakulti itu akan dilaksanakan secepat mungkin.

"KUIM kini sedang membuat persiapan serius mengenai pelaksanaan fakulti perubatan itu dan perbincangan teliti sedang dijalankan antara kolej ini dan Kementerian Pendidikan," katanya.

Yusof berkata, sebuah lembaga khas untuk mengkaji penubuhan fakulti itu telah ditubuhkan bagi meneliti pelaksanaannya termasuk keperluan mewujudkan kursus persediaan untuk para pelajar



YUSOF NOOR

bagi program itu.

"Namun begitu pada dasarnya kita menyerahkan kepada Kementerian Pendidikan untuk menyalurkan pelajar-pelajar kepada KUIM bagi mengikuti program itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas sidang akhbar mengenai majlis pecah tanah kampus tetap KUIM di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dalam pada itu Yusof yakin fakulti itu akan mendapat sambutan daripada para pelajar terutama melalui kerjasama yang dijalankan antara kolej berkenaan dengan fakulti perubatan Universiti Al-Azhar, Mesir.

Beliau menegaskan, walau pun mengadakan kerjasama dengan universiti di Timur Tengah, namun bahasa pengantar yang digunakan untuk program tersebut ialah Bahasa Inggeris.

"Malah Universiti Al-Azhar juga menggunakan bahasa Inggeris bagi pengajaran dan pembelajaran (P&P) program perubatan di negerinya," katanya.

Justeru itu, katanya, para pelajar terutama pelajar bukan bumiputera yang berminat untuk memohon fakulti perubatan KUIM tidak perlu bimbang mengenai penggunaan bahasa dalam (P&P) di KUIM.

Dalam pada itu Yusof berkata, selain fakulti tersebut dua lagi fakulti baru akan ditubuhkan di KUIM iaitu Fakulti Sains dan Teknologi, Fakulti Pendidikan dan Pengajian Bahasa.

KUIM ditubuhkan bermatlamat untuk menjana penyelidikan telah

meletakkan komposisi pelajar pasca-siswazah sebanyak 45 peratus dan siswazah sebanyak 55 peratus.

Pada masa ini KUIM mempunyai 1,239 pelajar siswazah dan sembilan pelajar pasca-siswazah yang terdiri daripada pelajar-pelajar asing.

Pelajar-pelajar berkenaan kini ditempatkan di kampus sementara iaitu di Bangunan Institut Profesional Baitulmal di Kampung Pandan dan Menara A Pesiaran MPAJ di Pandan Indah, Kuala Lumpur.

Kampus tetap KUIM di Bandar Baru Nilai dijangka akan menerima pelajar-pelajar tersebut secara beransur-ansur mulai tahun depan.

Dijangka apabila fasa pertama pembinaan kampus itu siap pada tahun 2004 ia mampu menampung 5,000 pelajar dan apabila ia siap sepenuhnya pada tahun 2010, sebanyak 10,000 pelajar akan ditempatkan di kampus tersebut.

KUIM juga akan membina penempatan khas berkonsepkan calet untuk pelajar-pelajar pasca-siswazah yang dikenali sebagai Perkampungan Pasca Siswazah di dalam kampus berkenaan.